

UMS laksana sistem tingkat kebolehpasaran graduan

BH 8.3.2017 11

➔ Dua fakulti dipilih perintis penilaian iCGPA sesi 2017/2018

Oleh **Mohd Izham Unnip Abdullah**
thaddius@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan melaksanakan sistem penilaian Purata Nilai Gred Kumulatif (iCGPA) bagi mengukur secara holistik tahap perkembangan pelajar bermula sesi akademik 2017/2018.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata sistem baharu itu diwujudkan Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (Pendidikan Tinggi) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Katanya, sebagai permulaan, sistem baharu itu akan dilaksanakan di dua fakulti perintis iaitu Fakulti Kejuruteraan (FKJ) dan

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP).

"Bagi fakulti lain, persediaan perlu dilakukan ke arah penilaian ini yang akan dilaksanakan pada sesi 2018/2019," katanya pada Majlis Amanat Naib Canselor UMS 2017, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah UMS, Datuk Richard Bainon dan Datuk Pengiran Mohd Hussein Pengiran Mohd Tahir.

Perkenal program prasiswazah baharu

Mohd Harun berkata, bermula sesi 2017/2018, UMS turut memperkenalkan program akademik prasiswazah baharu iaitu Sarjana Muda Pendarasan Islam (pengajian Islam) dengan 20 pelajar perintis ditawarkan mengikuti program berkenaan.

Katanya, Kementerian Pendidikan Tinggi turut meluluskan dua lagi program prasiswazah UMS

iaitu Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas.

Sementara itu, Mohd Harun berkata, UMS mewujudkan satu garis panduan pelaksanaan Dasar Pemisah dalam pengurusan sumber manusia membabitkan pegawai berprestasi rendah dengan markah penilaian kurang 60 peratus yang dikuatkuasakan tahun ini.

"Dasar ini untuk menamatkan perkhidmatan kakitangan berprestasi rendah, namun masih menikmati kemudahan seperti persaraan biasa iaitu pencen bulanan, ganjaran, pemberian wang tunai gantian cuti, kemudahan perubatan dan kad pesara," katanya.

Beliau berkata, dasar itu bertujuan mewujudkan perkhidmatan awam berprestasi tinggi dan berintegriti sejajar autonomi di-



Mohd Harun beramah mesra dengan pelajar pada Majlis Amanat Naib Canselor di UMS, Kota Kinabalu.

[FOTO-EDMUND SAMUNTING/BH]

Info

UMS

➔ **2,866 kakitangan UMS** termasuk 1,084 kakitangan akademik

➔ **2,474 pengambilan pelajar baharu prasiswazah UMS** sesi 2016/2017

➔ **RM399 juta** anggaran perbelanjaan UMS pada 2017

➔ **RM242.5 juta** dana disalurkan kerajaan kepada UMS pada 2017.

berikan kepada universiti sejak Julai tahun lalu.

Amalan penjimatan UMS

Katanya, mulai tahun ini pengambilan dan penyambungan kakitangan kontrak juga akan diperketatkan dengan mengambil kira keperluan strategik universiti dan prestasi individu.

Dalam pada itu, Mohd Harun berkata, pihaknya menggariskan lima pendekatan bagi meningkatkan amalan penjimatan universiti berikutan pengurangan peruntukan daripada kerajaan tahun ini.

Pendekatan itu ialah mengurangkan komitmen terikat universiti, memusatkan semula peruntukan perjalanan dan sara hidup serta penyelenggaraan dan pembaikan, menanggungkan aktiviti tidak perlu, mengurangkan aktiviti keraian dan berbelanja mengikut kemampuan.